



## **1010 CABARAN KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Safinah Ismail<sup>1</sup>, Nazneen Ismail<sup>1</sup>, & Noraini Mohamad<sup>2</sup>, Nur Damia Husna  
Nor Sad<sup>3</sup>, Sharifah Sari binti Datu Asal<sup>3</sup>,

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam ,Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>3</sup>. Pembantu Penyelidik Geran Penyelidikan Inovasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia

### **ABSTRAK**

*Keruntuhan akhlak dalam keluarga melahirkan perasaan dendam, kejam, tidak bertimbang rasa, malah sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Hal ini sekaligus akan mencetuskan kucar kacir dalam keluarga termasuk masyarakat Melayu. Bagi membendung gejala ini, ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk dan membimbing anak-anak seterusnya mewujudkan sesebuah keluarga. Dalam kajian ini membincangkan berkaitan komunikasi ibu bapa dan cabaran komunikasi ibu bapa dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif artikel ini membincangkan komunikasi dan cabaran ibu bapa dalam masyarakat Melayu mendidik anak-anak masakini. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kajian kualitatif berbentuk fenomenologi. Ia digunakan bagi memahami cabaran ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi keluarga merupakan komunikasi yang dilakukan oleh ahli keluarga iaitu ibu bapa terhadap anak-anak. Komunikasi ibu bapa bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan keperibadian anak-anak bahkan ia juga memberi kesan kepada tingkah laku dan sistem kepercayaan. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa adalah maklumat yang diberikan tidak sampai pada anak-anak, sikap, persekitaran, kurang penerapan, kurang kasih sayang, kurang kemahiran komunikasi dan pengaruh media.*

**Kata Kunci : Cabaran, Komunikasi, Ibu Bapa, Masyarakat Melayu**

### **1. Pengenalan**

Keruntuhan akhlak dalam keluarga melahirkan perasaan dendam, kejam, tidak bertimbang rasa, malah sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Hal ini sekaligus akan mencetuskan kucar kacir dalam keluarga termasuk masyarakat Melayu



keluarga termasuk masyarakat Melayu. Bagi membendung gejala ini, ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk dan membimbing anak-anak seterusnya mewujudkan sesbuah keluarga Dalam kajian ini membincangkan berkaitan komunikasi ibu bapa dan cabaran komunikasi ibu bapa dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif artikel ini membincangkan komunikasi dan cabaran ibu bapa dalam masyarakat Melayu mendidik anak-anak masakini.

### **1.1 Definisi**

Dalam artikel ini dijelaskan beberapa definisi yang berkaitan kajian iaitu cabaran, ibu bapa dan masyarakat Melayu.

#### a) Cabaran

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, cabaran memberi erti ajakan untuk berlawan ; tentang atau sesuatu yang mencabar. Selain itu, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) cabaran didefinisikan sebagai hasil mencabar iaitu mempersoalkan dan mempertikaikan sesuatu unsur yang mencabar serta menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi. Oleh itu, cabaran juga membawa maksud sesuatu hal atau perkara yang menguji kemampuan serta ketabahan seseorang yang ada kaitannya dengan organisasi.

#### b) Ibu Bapa

Menurut Jason Sukmadie (2017) bapa merupakan pemimpin keluarga yang mempunyai peranan sebagai pemberi nafkah, pendidik, pelindung kepada setiap anggota keluarga. Ibu pula sebagai pengurus rumah tangga, pengasuh dan pendidik anak-anak, pelindung keluarga dan juga boleh menjadi pencari nafkah tambahan keluarga.

Ibu bapa merupakan jawatan yang terpenting bagi sebahagian besar anggota masyarakat. Ia merupakan satu jawatan tanpa perlantikan rasmi dari sesiapa. Ia memikul amanah, tugas, peranan dan tanggungjawab (Mustafa Daud 2004) dalam mendidik anak-anak. Ibu adalah insan yang melahirkan anak. Manakala bapa adalah insan yang memberi nafkah, menjaga anak-anak. Ibu bapa saling bantu membantu, memikul amanah, tugas, peranan dan tanggungjawab agar anak-anak dapat didikan yang terbaik.

Ibubapa secara umumnya disebut sebagai insan yang mengasuh dan



mendidik anak daripada peringkat anak dilahirkan atau zaman kanak-kanaknya sehingga dewasa (Rozumah Baharudin Rahimah Ibrahim 2008).

### c) Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu adalah salah satu kompenan dari bangsa Malaysia. Kebanyakkan adalah penduduk setempat yang telah menghuni wilayah semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Borneo bahagian barat laut. Masyarakat Melayu di Malaysia kebanyakannya adalah sama dengan masyarakat Melayu yang mendiami di beberapa wilayah di Indonesia. Meskipun terdapat beberapa kelompok lain di wilayah Sabah, Sarawak atau Kelantan. Meskipun demikian, Undang-undang Dasar Malaysia memiliki batasan tersendiri mengenai kemelayuan di negara ini. Manakala Melayu adalah sebagai penduduk peribumi yang bertutur dalam bahasa melayu, beragama Islam dan yang menjalani adat istiadat Melayu. Di Malaysia, penduduk peribumi dari keturunan suku-suku di Indonesia seperti Minangkabau, Aceh, Bugis atau Mandaling yang bertutur bahasa Melayu, beragama Islam dan mengikut adat-istiadat Melayu semuanya dianggap Melayu selain daripada Melayu Anak Jati yang berasal dari Tanah Melayu itu sendiri. Bahkan orang bukan peribumi yang berkahwin dengan orang Melayu dan memeluk agama Islam juga diterima sebagai orang Melayu. (Musa, HH, 2003)

Jadi dapat diketahui bahawa masyarakat Melayu bukan hanya orang Melayu yang tinggal di Malaysia sahaja akan tetapi masyarakat Melayu adalah tertakluk kepada Undang-Undang Dasar Malaysia yang terdapat kerakyatan orang Melayu (Nur Adilah Mohd Seleman, Safinah Ismail, 2018)

## 2. Komunikasi Ibu Bapa

Abdullah & Ainon (2004) menerangkan komunikasi dalam sesuatu hubungan mempunyai dua unsur yang terlibat. Hal ini disebut sebagai iklim komunikasi. Iklim komunikasi yang diterangkan adalah seperti iklim biasa dalam kehidupan iaitu iklim positif dan iklim negatif. Iklim positif wujud dalam suasana yang baik manakala iklim negatif wujud dalam suasana yang tidak baik. Kedua-dua iklim ini berkait rapat dengan komunikasi dalam keluarga. Institusi kekeluargaan Islam berperanan sebagai model dalam membentuk asas keluarga Islam, perpaduan hubungan dalam keluarga dan sebagai pelindung bagi menjamin akhlak generasi akan datang (Mustafa 1989, Muhammad Zuhair, 1995). Beliau menjelaskan lagi, keruntuhan



akhlak dalam keluarga akan melahirkan perasaan dendam, kejam, tidak bertimbang rasa, malah sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Hal ini sekaligus akan mencetuskan kucar kacir dalam keluarga (Md. Hashim, 1987).

Bagi membendung gejala ini, ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk dan membimbing anak-anak seterusnya mewujudkan sesbuah keluarga (Md. Hashim, 1987). Teuku Iskandar (1970) menjelaskan ibu adalah seorang individu yang diberi gelaran sebagai ibu, emak, mami dan bonda. Bapa pula digelar sebagai ayah, abah, papa dan dedi. Ibu berperanan dalam mengasuh dan membimbing anak-anak dalam institusi keluarga manakalah bapa sebagai ketua pemimpin dalam menyediakan tempat tinggal, pakaian, memberi nafkah dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak. Rusnani (2009) menjelaskan ibu bapa adalah jawatan khusus yang dilantik tanpa rasmi dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Jawatan yang dimaksudkan merangkumi aspek amanah, tugas dan tanggungjawab sekaligus menjadikan ia sebagai jawatan utama dalam sebahagian besar anggota keluarga.

Arrasyid (2003) menyenaraikan enam ciri yang perlu ada dalam diri ibu bapa untuk membentuk keluarga bahagia. Ciri-ciri tersebut adalah ibu bapa berperanan sebagai pendidik, pendorong, pengelola, perancang, inovator dan penilai dalam mendidik anak-anak. Tugas ibu bapa yang bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah akhirnya mampu melahirkan anak-anak yang solih dan solihah (al-Qarni, 1990). Saedah (2003) dan Mohd. Fadzillah & Muhammad Zakaria (2005) menjelaskan ibu bapa adalah model utama yang mencerminkan contoh teladan baik yang akhirnya akan menjadi ikutan anak-anak dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian Mustafa (2014) mendapati kegagalan ibu bapa dalam keluarga menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral, akhlak serta peribadi anak-anak.

Dalam konteks komunikasi keluarga, Abdullah & Ainon (2000) menyatakan ayat-ayat yang digunakan dalam komunikasi mestilah ayat yang boleh merapatkan silaturrahim. Hal ini kerana ramai orang fasih dan petah dalam bercakap tetapi tidak pandai komunikasi. Kemahiran bercakap dan kemahiran komunikasi adalah dua kemahiran yang berbeza. Ini kerana, kemahiran bercakap adalah bakat seseorang dalam mengeluarkan pertuturnya manakala kemahiran komunikasi berdasarkan ilmu pengetahuan (Abdullah & Ainon, 2000). Abdul Muati & Zamri (2016) membahaskan kemahiran berkomunikasi penting kerana proses interaksi



yang berlaku mampu memberi kesan pada individu lain dalam proses komunikasi. Perbahasannya turut menggariskan dalam komunikasi tidak digalakkan menggunakan bahasa berikut:

1. Perkataan yang membawa makna kepada arahan seperti *kenalah, wajiblah, perlulah, mestilah* dan *patutlah*.
2. Perkataan yang membawa gaya bahasa yang mengajar orang lain.
3. Tidak membetulkan perkataan seseorang sehingga menyebabkan ia malu dan berasa segan.
4. Tidak menyampuk semasa orang lain sedang bercakap.
5. Tidak menonjolkan sikap dominan diri dengan menyatakan pendapat orang lain salah atau tidak betul.

Komunikasi ibu bapa bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan keperibadian anak-anak bahkan ia juga memberi kesan kepada tingkah laku dan sistem kepercayaan. Hal ini terbukti dalam kajian menurut Booth-Butterfield dan Sidelingers (1998) yang mengkaji bagaimana komunikasi keluarga berkait rapat dengan tingkah laku pelajar kolej berkenaan dengan isu seks dan alkohol.

### **3. Metodologi kajian**

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Metod kajian adalah kualitatif melalui analisis kandungan berdasarkan kajian lepas iaitu daripada jurnal, buku, prosiding, kertas kerja dan sebagainya. Kaedah analisis data dibuat berdasarkan tematik.

### **Dapatkan Kajian**

#### **Cabarani Komunikasi Ibu Bapa dalam Masyarakat Melayu**



Apabila berkomunikasi dengan anak-anak, ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran antaranya:

a) Maklumat Tidak Dapat Difahami

Cabaran utama dalam komunikasi berlaku adalah kerana maklumat yang hendak disampaikan itu tidak dapat difahami dan kurang jelas terhadap si penerima. Keadaan ini sekaligus memberi kesan negatif malah menjadi halangan utama dalam proses komunikasi (Jumali et al, 2012). Kajian Baayah Baba (2015) mendapati ramai ibu bapa yang bercakap dengan anaknya namun tidak bermakna kerana mesej yang disampaikan tidak sampai pada sasaran, mereka tidak fokus dan tidak memahami apa yang diperkatakan. Sehubungan dengan itu, Ahmad Kamil (1995) menjelaskan kegagalan terhadap komunikasi atau *communication breakdown* akan mewujudkan suasana persekitaran yang negatif wujud dalam sebuah keluarga.

b) Sikap Ibu Bapa

Kuasa atau pengaruh membentuk penguasaan automatik terhadap anak-anak.

Muhamad (1993) menjelaskan kuasa yang dimaksudkan mempunyai empat ciri iaitu arahan, leteran, denda dan peraturan. Hal ini mempunyai perkaitan dengan pola komunikasi ibu bapa yang mengamalkan orientasi keakuran. Mereka bersikap tegas, mengawal dan tidak mesra dengan anak-anak. Ini dapat mewujudkan konflik antara mereka Aziyah Abu Bakar et al (t.th). Yulia Hairina (2017) mendapati cabaran komunikasi berlaku disebabkan ibu bapa bersikap kasar, tegas, diktaktor. Oleh yang demikian, anak membesar menjadi seorang yang egois, agresif dan sukar bersosialisasi. Abu Dzar Ahmad (2017) juga turut mengakui punca kegagalan keluarga berkomunikasi disebabkan penggunaan kata-kata kasar, marah, depresi, kurang *musyāwarah* dan kurang menghargai pendapat anak. Ini turut mengundang kebosanan remaja dan mencari kepuasan di luar rumah.

Muhammad Rasyid (2012) menjelaskan dalam konteks keluarga, ibu bapayang mengamalkan sikap diktator akan selalu menolak keinginan anak dan memberikan arahan supaya anak-anak mengikut setiap yang disuruh oleh ibu bapa tersebut. Hal ini termasuklah penentuan dari aspek aktiviti



harian anak, kebebasan, penentuan jenis makanan serta jadual harian anak-anak. Kesannya akan menyebabkan anak-anak kehilangan kreativiti dan terhalang daripada potensi diri (Muhamad, 1993).

Di samping itu juga, sikap ibu bapa yang lebih mementingkan kerjaya menyebabkan kualiti kebajikan keluarga menurun dan menjadi tidak kukuh (Syed Mahadzir, 2003). Selain daripada itu, sikap terlalu memanjakan dengan cara memenuhi segala keperluan dan kehendak anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak berasa selesa tanpa perlu berusaha untuk mendapat sesuatu perkara (Muhammad Rasyid, 2012). Dalam konteks ini, ibu bapa dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan sikap yang lebih dominan akan mewujudkan jarak antara ibu bapa dan anak-anak. Ashraf Ali Thanwi (1992) menyatakan adab bukan sahaja terhad kepada anak-anak dalam sesebuah keluarga. Malah, ibu bapa juga disarankan agar peka terhadap adab dalam mendidik anak-anak. Contohnya, tidak sekali-kali bercakap perkara yang boleh memalukan anak-anak depan khalayak umum.

#### c) Persekutaran Dan Kegiatan Sosial Dalam Keluarga

Kajian Rohaty (2003) menunjukkan ibu bapa dalam masyarakat Melayu di Malaysia kurang memberikan tumpuan dalam aktiviti harian anak-anak. Dalam kajian tersebut, nilai min keseluruhan hanya pada kadar 2.56. Ini menunjukkan perbincangan antara ibu bapa dan anak sangat rendah dalam kehidupan sehari-hari sedangkan kajian Anuar & Norhaidawati (2016) menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sosial anak-anak membawa pengaruh besar dalam peningkatan kendiri mereka. Sejajar dengan itu, kajian Arnold et al (2008) dan Johdi et al (2009) menunjukkan penglibatan ibu dalam kehidupan anak-anak adalah elemen utama dalam mempengaruhi kemajuan dalam bidang pendidikan.

#### d) Kurang Penerapan Ilmu Agama Dalam Keluarga

Kajian Ramzi (2015) menunjukkan antara faktor utama dalam institusi kekeluargaan ialah kekurangan penerapan ilmu agama dalam jiwa anggota keluarga termasuk ibu bapa Melayu Muslim. Ia merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, mereka meminggirkan cara hidup Islam dalam kehidupan sehari-hari (Mohd. Azhar Abd. Hamid et al. 2001) dan



menyebabkan pelbagai masalah sosial anak-anak Melayu masa kini (Raisya Maula, 2015 & Ramzi, 2015).

e) Kurang Kasih Sayang

Barnes & Olson (1985) mendapati apabila hubungan komunikasi dijalinkan dengan baik, maka akan terbentuk sebuah keluarga yang penuh dengan kasih sayang, hubungan semakin rapat sekaligus memudahkan jika berlaku konflik antara anggota keluarga. Namun begitu, kekurangan kasih dan perhatian ibu bapa terhadap anak-anak akan menyebabkan mereka merasakan diri tersisih, tidak disayangi dan tidak dihargai (Aznan et al, 2010).

f) Kurang Kemahiran Komunikasi

Kajian Che Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussooff (2011) membuktikan bahawa wujud jurang di antara ibu bapa Melayu dan anak akibat kurang kemahiran komunikasi antara mereka. Ini mendorong kepada wujudnya konflik dan hubungan yang renggang. Manakala kajian Ganesen & Noraini (2014) mendapati bahawa apabila ibu bapa kurang komunikasi menyebabkan anak-anak sukar untuk meluahkan masalah mereka secara terbuka. Faktor masa juga mempengaruhi komunikasi ibu bapa dan anak-anak. Harun Arrasyid (2011) menyatakan ibu bapa masa kini berdepan dengan cabaran khususnya mereka yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur. Jadual kerja seharian dan perjalanan ulang alik yang sesak sehingga perlu memperuntukkan masa 2 hingga 3 jam setiap hari dalam kenderaan. Ini menjadi faktor mereka kurang berkomunikasi dengan anak-anak.

g) Pengaruh Media Dalam Institusi Keluarga

Dewasa kini, penggunaan internet dari pelbagai peranti teknologi (*gadget*) telah dipergunakan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat. Penggunaan teknologi yang berkembang pesat seperti komputer, komputer riba, alat video, televisyen, telefon pintar, tablets, laman sesawang jaringan sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, *blog* dan sebagainya mendapat tempat di seluruh pelusuk dunia (Salmah & Malisah, 2016). Bahkan penyebaran data dan maklumat melalui aplikasi ini tidak mengenal tempat, jarak dan waktu. Kajian Indra et al (2013) menunjukkan *gadget* lebih diutamakan masa kini dan pengguna menghabiskan masa bersama *gadget*. Hal ini sekaligus merencatkan interaksi sosial sesama manusia. Jelasnya lagi, dalam konteks kehidupan berkeluarga, keadaan ini akan membawa



kepada ketidakseimbangan pola interaksi komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak.

#### 4. Penutup

Komunikasi keluarga merupakan komunikasi yang dilakukan oleh ahli keluarga iaitu ibu bapa terhadap anak-anak. Komunikasi ibu bapa bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan keperibadian anak-anak bahkan ia juga memberi kesan kepada tingkah laku dan sistem kepercayaan. Apabila berkomunikasi dengan anak-anak, ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran antaranya adalah maklumat yang diberikan tidak sampai pada anak-anak, sikap, persekitaran, kurang penerapan ilmu agama dalam keluarga, kurang kasih sayang dan kurang kemahiran komunikasi serta anak-anak banyak dipengaruhi oleh media.

#### Rujukan

- Abdul Muati & Zamri Ahmad. 2016. *Psikologi Dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2005. *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Penang : PTS Publications SDN BHD.
- Abu Dzar Ahmad dan Mohd Arif Nazri. 2017. komunikasi keluarga berdasarkan uslub nabi saw. *al-Turath* 2(1): 54–64
- Ahmad Kamil Mohamed. 1995. *Keunggulan Berkomunikasi Menjadi Komunikator Unggul dalam Era Masyarakat Informasi*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise.
- Aidh Abdullah Al-Qarni. (2006). *Keluarga Bersendi Takwa*. Kuala Lumpur: Berlian Publication.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor. 2016. Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Chow Kit Kuala Lumpur. 1-21.
- Arnold, D.H, Zeljo, A, & Doctoroff, G.L. 2008. Parent Involvement In Preschool: Predictors And The Relation Of Involvement To Preliteracy Development. *School Psychology Review*. 37 (1): 74-90.
- Ashraf Ali Thanwi. 1992. *Adab-Adab Kehidupan Bermasyarakat*. Terj. Abd. Aziz Abd. Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.



- Aziyah Abu Bakar. 2015. Komunikasi Keluarga dan Pengurusan Konflik: Dari Perspektif Remaja Melayu. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 17(1): 11-28.
- Aznan Che Ahmad, Mohd Zuri Ghani, Salizawati Omar & Zainudin Mohd Isa. 2010. Kanak-Kanak Bermasalah Tingkah Laku. *Jurnal Pendidikan Khas*. 10(2): 21-27.
- Baayah Baba (2015). Mendidik anak abad 21: satu pengalaman . Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd
- Barnes, H.L. & Olson, D.H.. 1985. Parent-Adolescent Communication And The Circumplex Model. *Child Development*. 56: 438-477.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoff. 2011. Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3(2): 45–62.
- Dewi K. Soedarsono dan Roro Retno Wulan. 2017. Model Komunikasi Teman Sebaya Dalam Pembentukan Identitas Diri Remaja Global Melalui Media Internet. *ASPIKOM* 3(3): 447–456.
- Harun Arrasyid Tuskan. 2003. *Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Harun Arrasyid Tuskan. 2011. *Pengorbanan Ibu Bapa Terhadap Anak*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Intan Kurniawati, Roro Retno Wulan, dan Indra N. A Pamungkas. 2017. Pola Komunikasi Pertemuan Offline Komunitas Insta Nusantara Bandung. *Jurnal Kajian Komunikasi*, Volume 5, No. 1 : 31–42
- Jason Sukmadie.2017. Komunikasi Keluarga Antara Orang Tua Dan Adik Terhadap Kakak Penyandang Autism. *Jurnal E-Komunikasi* . VOL 5. NO.1: 1-12
- Jumali Hj. Selamat, Khaidzir Hj. Ismail, Shaharuddin Haji Ahmad, Mohd. Helmi Abd. Rahman, 2012 Pengucapan awam: strategi dan kemahiran. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Hashim Yahaya. 1987. *Tanggungjawab Ibu Bapa & Anak Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.
- Mohd. Fadzillah dan Muhammad Zakaria. 2005. Menangani Anak Bermasalah. Kuala Lumpur :Telaga Biru.
- Muhamad Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd. Tamin (1993). Pengantar Kaunseling. Kuala Lumpur: Penerbit DBP



- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-Kanak Oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di Bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *JUUM*. 19: 37-49.
- Muhammad Rasyid Dimas. 2012. *Kelemahan dalam Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Muhammad Zuhair. 1995. *Pendidikan Iman dan Akhlak dalam Kekeluargaan*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Mustafa Daud. 2014. *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*. Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan. Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia. 1-14.
- Mustafa Haji Daud. 1989. *Institusi Kekeluargaan Islam*. Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Adilah Mohd Seleman, Safinah Ismail, Nirwana Harun, Nur Amira Aqila Mohammad Harizam. 2018. Faktor Penerimaan Dakwah Islamiah di Kalangan Masyarakat Melayu. Dlm Prosiding Seminar Dakwah Antara Budaya (SEDaB 2.0). Kajang : Jabatan Dakwah Dan Ususluddin.
- Raisya Maula Ibnu Rusyd. 2015. *Kesalahan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak*. Batu Caves: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.
- Rohaty Mohd Majzub. 2003. *Pendidikan Pra Sekolah Cabaran Kualiti*. Bangi: Malindo Sdn. Bhd.
- Rusnani Abdul Kadir. 2009. *Pendidikan Keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Rozumah Baharudin Rahimah Ibrahim. 2008. Keluarga Kanak- Kanak dan Remaja, Serdang: Univesiti Putra Malaysia
- Saedah Siraj. 2003. *Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Salmah Omar & Malisah Latip. 2015. Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak. Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu, Sarawak.
- Syed Mahadzir. 1970. *Pendidikan Anak-anak : Tuntutan dan Tanggungjawab*. Selangor: PCT SDN BHD.
- Yulia Hairina. 2017. Prophetic Parenting Sebagai Model Pengasuhan Dalam Pembentukan Karakter (Akhlak) Anak. *Jurnal Studia Insania* 4(1): 79.